



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 33/2011 (14 hingga 20 Ogos 2011)

Pada minggu ke-33 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 14 hingga 20 Ogos, sejumlah 365 kes Demam Denggi telah dilaporkan, meningkat sebanyak 3 kes berbanding dengan 362 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat 5 buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Selangor yang meningkat sebanyak 21 kes (16%), Kelantan 7 kes (39%), Johor 4 kes (19%), Pahang 2 kes (13%) dan Terengganu meningkat sebanyak 1 kes (7%) (Lampiran A).

Pada tahun 2011 iaitu dari Januari hingga 20 Ogos, sebanyak 13,100 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 59% atau 18,429 kes berbanding dengan 31,529 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Bagi tempoh yang sama, sebanyak 21 kematian akibat Demam Denggi dilaporkan, menurun sebanyak 79% berbanding 101 kematian pada tahun 2010.

Sejumlah 58 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara, meningkat 13 berbanding 45 lokaliti pada minggu sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, terdapat 2 lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu ini dengan melibatkan sebanyak 53 kes Demam Denggi (Lampiran B).

Kedua-dua lokaliti *hot spots* berlaku di WP Kuala Lumpur iaitu Pangsapuri ATM dan Taman Melati Utama (Platinum Hill) masing-masing di zon Setapak.

Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan kepada semua masyarakat sempena cuti persekolahan dan perayaan Hari Raya Aidilfitri yang akan bermula pada hujung bulan Ogos, agar mempastikan tiada bekas atau tempat yang berpotensi untuk pembiakan nyamuk Aedes ditinggalkan di kawasan kediaman mereka semasa balik bercuti ke kampung. Pergerakan manusia yang tidak terhad semasa cuti perayaan ini boleh menyebabkan jangkitan Demam Denggi lebih cepat merebak jika terdapat nyamuk dan pembiakan Aedes di persekitaran mereka. Oleh itu, langkah pencegahan yang boleh diambil bagi mengelakkan jangkitan Denggi ketika pulang bercuti pada hari perayaan adalah seperti berikut;

- i. Menggunakan racun penyembur aerosol untuk membunuh nyamuk dewasa yang berada di dalam rumah.
- ii. Menggunakan bahan penghalau nyamuk (repellen) kepada bahagian badan yang terdedah untuk gigitan nyamuk ketika keluar rumah, terutama pada waktu nyamuk aktif menggigit (5 – 7 pagi dan 5 – 7 petang).
- iii. Mengelakkan diri dari pergi ke kawasan wabak / hotspots Denggi.
- iv. Memasukkan bahan pembunuh jentik-jentik (Abate) ke dalam takungan air yang tidak dapat ditukar terutama apabila tidak menggunakanya lebih dari tempoh seminggu

Pihak Kementerian Kesihatan berharap masyarakat akan menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan penuh kegembiraan dan selamat dari ancaman jangkitan Demam Denggi yang dibawa oleh nyamuk Aedes. Ingatlah "**TIADA AEDES, TIADA DENGGI**".

DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

22 Ogos 2011

Lampiran A**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 33/2011
(14 hingga 20 Ogos 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 33/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 33/2010
		Minggu 33 (14 – 20 Ogos 2011)	Minggu 32 (7 – 13 Ogos 2011)		
1	Perlis	4	5	62	113
2	Kedah	13	15	320	526 (3)
3	P. Pinang	26	28	1,226 (2)	894 (3)
4	Perak	21	27	843 (2)	1,505 (5)
5	Selangor	152	131	5,002 (5)	12,713 (38)
6	WPKL & Putrajaya	34	40	1,208 (1)	3,153 (5)
7	N. Sembilan	8	15	500 (1)	1,328 (7)
8	Melaka	5	5	271	658 (9)
9	Johor	25	21	1,120 (5)	2,529 (8)
10	Pahang	18	16	636 (1)	986 (1)
11	Terengganu	15	14	472 (1)	622
12	Kelantan	25	18	471 (1)	1,753 (9)
13	Sarawak	13	18	660	3,199 (12)
14	Sabah	6	9	300 (2)	1,534 (1)
15	WP Labuan	0	0	9	16
	MALAYSIA	365	362	13,100 (21)	31,529 (101)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 33
BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	WPKL	Setapak	Pangsapuri ATM	25	51
2	WPKL	Setapak	Taman Melati Utama (Platinum Hill)	28	48